

# Cerita-cerita Dari Persuratan Arab

## Jangan sesalkan perkara yang telah luput

Menurut ceritanya, seorang peladang telah berjaya menjerat seekor burung jambul, lalu berkatalah burung itu:

“Apa yang tuan akan lakukan terhadap diri saya?”

Dengan gembiranya peladang menjawab:

“Aku akan sembelih engkau, kemudian aku makan.”

Tersenyum burung itu mendengar lalu berkata:

“Dagingku hanyalah sepalit, tuan tidak puas merasanya dan tidak pula mengenyangkan. Tetapi saya akan mengajarkan kepada tuan tiga perkara, yang sudah tentu lebih baik daripada tuan makan saya. Perkara yang pertama, saya akan ajarkan dalam masa saya di tangan tuan; dan perkara yang kedua pula ialah apabila saya sudah terbang dan hinggap di atas pokok; manakala perkara yang ketiga ialah apabila saya berada di atas bukit.”

“Baiklah”, jawab peladang, kemudian berkata

“Cuba ajarkan kepada aku perkara yang pertama”.

Burung itu pun mengajarkannya dengan berkata:

“Jangan tuan mengeluh atau menyesal akan perkara yang telah luput.”

Bagi menepati janjinya burung itu pun dilepaskan oleh peladang lalu terbang dan hinggap di atas sebatang pokok di situ. Pada saat itu berkatalah peladang: “Sekarang cuba ajarkan kepada aku akan perkara

yang kedua.”

Burung itu pun mengajarkannya dengan berkata:

“Jangan tuan percaya akan barang yang belum berlaku bahawa ia akan berlaku.”

Setelah itu burung itu pun terbang lalu hinggap di atas bukit yang terletak tidak jauh dari situ lalu berkata:

“Hai orang bebal! Kalau engkau sembelih aku tadi, tentulah engkau akan dapat mengeluarkan daripada hempeduku dua butir mutiara, tiap-tiap sebutir beratnya tiga puluh *mithqāl*!”

Tempelak burung itu menyebabkan si peladang mengeluh dan menyesal dengan sedih-sedihnya sambil berkata: ‘Baiklah, sekarang ajarkanlah kepada aku akan perkara yang ketiga.’

Tiba-tiba burung itu menempelak lagi katanya:

“Engkau sudah lupa akan dua perkara tadi, maka apalah gunanya kepadamu perkara yang ketiga?”

Setelah diam sejeurus, burung itu berkata lagi

“Tidakkah aku katakan kepadamu: Jangan mengeluh dan menyesal terhadap perkara yang telah luput, pada hal engkau telah pun mengeluh dan menyesal?! Tidakkah aku telah katakan kepadamu: Jangan engkau percaya akan perkara yang belum berlaku bahawa ia akan berlaku? Sedang berat badanku meliputi daging, darah dan buluku tidak sampai dua puluh *mithqāl*, maka bagaimanakah engkau boleh percaya bahawa di dalam hempeduku ada dua butir mutiara yang beratnya tiga puluh *mithqāl* tiap-tiap sebutir?”

Dalam saat peladang sedang terpinga-pinga mendengarnya, burung itu pun terbang dan hilang dari pemandangan.